

Petikan di bawah mempunyai **10 kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut, kemudian tulis jawapan anda dalam jadual yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin petikan di bawah semula.

Sebagai individu yang terlatih, kaunselor mengadakan perkhidmatan kaunseling untuk membantu individu memahami serta menerima diri, membuat perancangan masa depan, menguruskan halangan atau cabaran yang mengusahkan fikiran, di samping memberikan bimbingan tentang cara penyelesaian masalah yang dihadapi. Salah satu bentuk cabaran atau halangan termasuk tekanan emosi yang sering melanda golongan remaja. Dalam hal ini, remaja yang bermasalah memerlukan khidmat kaunseling, iaitu proses pertolongan secara profesional antara kaunselor dengan remaja yang bermasalah.

Walau bagaimanapun, kaunselor hanya berperanan untuk mendengar, memahami, dan membantu, bukannya menyelesaikan masalah. Perkara ini perlu difahami setiap individu yang mahu mendapatkan bantuan atau khidmat daripada kaunselor. Remaja tidak seharusnya menganggap bahawa para remaja atau pelajar yang berjumpa dengan kaunselor merupakan mereka yang bermasalah. Tanggapan ini tidak benar sama sekali. Banyak kebanyakannya bertemu dengan kaunselor kerana kaunselor akan membantu dan menghuraikan segala permasalahan yang berkaitan dengan pelajaran, kehidupan, perancangan masa depan, dan sebagainya.

Perkhidmatan kaunseling di Malaysia bermula secara formal pada dekad 1960an dengan kewujudan pelbagai latihan kaunseling bagi memenuhi keperluan semasa. Pada tahun 1969, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), kini Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerjasama Tabung Darurat Kanak-kanak Antarabangsa Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF) mengambil langkah praktik dengan melatih 275 orang guru sekolah menengah. Objektif utama kursus itu adalah untuk memperkenalkan konsep bimbingan dan kaunseling. Menjelang tahun 1974, 1772 orang guru didedahkan dengan kursus ini.

Rencana ini dipetik daripada Dewan Siswa, April 2012